

# Pelaburan bijak untuk sektor pendidikan tinggi

**KUALA LUMPUR 13 Okt.** - Bajet 2017 yang akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 21 Oktober ini perlu menambah baik peruntukan terhadap sektor pendidikan tinggi supaya memberi manfaat yang besar kepada perkembangan pendidikan pelbagai bidang di negara ini.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata, setelah pemotongan yang dilakukan tahun lepas, pelaburan itu disifatkan perlu bagi tahun hadapan untuk melahirkan lebih ramai pakar dalam pelbagai bidang, sekali gus menyumbang perkembangan ekonomi negara.

## MENJELANG **BAJET** 2017

Katanya, kerajaan menerusi Bajet 2017 seharusnya memberikan keutamaan kepada sektor pendidikan tinggi agar impian negara memperoleh 60,000 pemegang ijazah doktor falsafah (PhD) dalam pelbagai bidang pada 2020 dapat dicapai.

“Bagi tujuan itu, universiti memerlukan peruntukan menyelenggara peralatan sedia ada dan me-



**AINI IDERIS**

nambah baik segala kelengkapan agar mahasiswa dapat melakukan kajian ilmiah seiring kehendak teknologi terkini.

“Peruntukan pendidikan tinggi perlu ditambah dan objektif ini perlu dijadikan satu bentuk pelaburan kepada pembangunan negara dalam memastikan universiti sentiasa memberikan hasil terbaik dan menguntungkan negara,” katanya dalam sidang akhbar memperkenalkan 11 graduan yang bakal memenangi hadiah sempena Majlis Konvokeyen UPM ke-40 di sini hari ini.